

## **Pelaporan Maklumat Kewangan Secara Sukarela oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Internet: Kajian di Negeri Pahang**

*Lily Mazlifa Mustafa  
Nor Hawani Wan Abdul Rahman  
Sabariah Jamaluddin  
Syahida Md Zeni  
Yuzainizam Yusop*

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat pelaporan maklumat sukarela di internet oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Pahang. Secara khususnya kajian ini lebih menjurus kepada pelaporan maklumat kewangan oleh PBT di laman sesawang rasmi. Data untuk tujuan kajian diperolehi dengan merujuk kepada sebarang pendedahan maklumat kewangan serta lokasi pelaporan maklumat tersebut di internet. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 11 PBT di negeri Pahang mempunyai laman sesawang. Namun begitu, penggunaan internet sebagai medium untuk melaporkan akauntabiliti pihak PBT masih di tahap yang rendah. Ini kerana hanya 27% daripada PBT di negeri Pahang melaporkan maklumat kewangan di internet manakala majlis perbandaran (33%) lebih banyak mendedahkan maklumat kewangan di internet berbanding dengan majlis daerah (25%). Dapatan kajian juga mendapati maklumat kewangan yang dilaporkan lebih tertumpu di lokasi penyata kewangan dan data dari jabatan PBT. Pihak PBT dilihat masih belum begitu terbuka untuk mendedahkan penyata kewangan kepada orang awam secara maya khususnya kepada pihak berkepentingan kerana ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Pelaporan maklumat kewangan sukarela, internet, Pihak Berkuasa Tempatan Pahang*

### **Pengenalan**

Pelaporan kewangan merupakan rekod formal kegiatan sesebuah organisasi untuk menggambarkan keseluruhan keadaan kewangan jangka pendek serta jangka panjang. Laporan kewangan biasanya disampaikan dalam bentuk berstruktur yang dikenali sebagai penyata kewangan. Oleh itu, pelaporan kewangan adalah bertujuan untuk menyalurkan maklumat yang bersesuaian dan berguna kepada pengguna. Ianya merupakan perantara bagi mengesahkan maklumat yang berkaitan dalam sesebuah organisasi.

Semua maklumat yang dilaporkan adalah berguna khususnya kepada mereka yang terlibat di dalam membuat keputusan yang berekonomi, di mana gambaran sebenar prestasi organisasi dilaporkan. Di samping itu ketepatan pelaporan kewangan bagi organisasi seperti syarikat tersenarai dan sektor awam adalah sangat penting. Ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara serta peningkatan kesedaran orang ramai terhadap akauntabiliti dan integriti kerajaan.

Secara jelas, struktur kerajaan di Malaysia terdiri daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, yang mengamalkan sistem persekutuan dan sistem kesatuan seperti di negara Britain dan Jepun. Menurut Tayib (2004) secara hirarkinya kerajaan tempatan adalah yang paling bawah dan juga yang paling hampir dengan masyarakat. Justeru kecemerlangan sesebuah masyarakat bergantung kepada kejayaan kerajaan tempatan. Ini bertepatan dengan fungsi yang dimainkan oleh pihak kerajaan tempatan, atau lebih dikenali sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dinyatakan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti perkhidmatan kebersihan, perkhidmatan kesihatan awam, perlesenan, pengangkutan awam, veterinary, rekreasi dan fungsi penginapan serta pembangunan. Oleh kerana itu, peranan PBT dalam masyarakat amat penting kerana ianya menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan masyarakat melalui pengurusan dana dengan cara yang berkesan.

Sejajar dengan itu, kerajaan tempatan perlu melaporkan kecekapan pengurusan dana awam yang diamanahkan kepada mereka. Ini secara langsung dapat membuktikan kecekapan penyelenggaraan dan operasi melalui pelaporan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976, seksyen 54(3), salinan penyata kewangan yang telah ditandatangani perlu dibentangkan kepada pihak berkuasa tempatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala pihak selain daripada ahli-ahli majlis, juruaudit, pihak

berkuasa Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya berhak untuk memperolehnya setelah diwartakan (Saidin et al. 2004). Ekoran itu, terdapat keperluan bagi PBT untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih berkesan. Ini kerana Tooley et al. (2010) mendapati bahawa pihak berkepentingan termasuk orang awam meletakkan minat yang tinggi terhadap maklumat prestasi pihak berkuasa tempatan yang mana secara tradisinya tidak didedahkan melalui penyata kewangan. Pelaporan penyata kewangan secara tidak langsung mencerminkan akauntabiliti dan ketelusan prestasi PBT.

Peningkatan kesedaran orang awam terhadap prestasi PBT dalam penyaluran maklumat dari aspek pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan awam yang lain semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Rentetan dari itu, berlaku perubahan hubungan antara orang awam dan PBT, di mana kedudukan orang awam telah berubah daripada penerima perkhidmatan yang pasif dan pembayar cukai kepada golongan yang menitikberatkan ketelusan dan akauntabiliti PBT. Ini disokong oleh Tayib dan Samsudin (2002), penyediaan maklumat kewangan merupakan salah satu kaedah oleh PBT untuk mewujudkan akauntabiliti dan ketelusan kepada orang awam. Ini kerana maklumat kewangan dipercayai menyumbang kepada kesejahteraan negara dan individu secara umumnya (Perez et al. 2005)

Oleh itu, selaras dengan peredaran masa dan pembangunan teknologi masa kini, penyebaran maklumat di antara pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan memerlukan media yang lebih efektif untuk memastikan maklumat dapat dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan. Pelaporan maklumat melalui internet dilihat sebagai salah satu alternatif yang berkesan kerana faktor kos, skop sebaran yang meluas dan kepantasan maklumat diterima oleh pihak yang berkepentingan (Alvarez et al. 2010; Debreceny et al. 2002). Selain itu, medium komunikasi melalui internet, di antara masyarakat setempat dan PBT dipercayai dapat mewujudkan jalinan komunikasi yang lebih tepat dan kerap kerana ianya melibatkan hubungan pengurusan awam (Alvarez et al. 2010; Harris et al. 2011). Malah, mekanisma pelaporan maklumat oleh pihak berkuasa tempatan melalui internet dianggap sebagai media paling berkesan untuk menyakinkan pihak berkepentingan bahawa akauntabiliti telah berjaya dilaksanakan (Laswad et al. 2005).

Oleh itu, kajian ini cuba melihat kepada pelaporan maklumat kewangan sukarela pihak berkuasa tempatan di internet kerana ianya secara tidak langsung dapat menggambarkan kepada umum bahawa pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan tanggungjawabnya dari aspek akauntabiliti atas dana yang diperolehi daripada masyarakat setempat.

## **Sejarah Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia**

Sistem kerajaan tempatan yang diamalkan di Malaysia pada mulanya berteraskan sistem yang wujud di Britain. Ini adalah kerana Tanah Melayu telah dijajah oleh pihak British untuk lebih dua kurun lamanya. Namun begitu, sistem ini telah melalui perubahan apabila ciri-ciri sosio-budaya tempatan mempengaruhi sistem kerajaan tempatan. Pada tahun 1801, Majlis Penilai (Council of Assessors) telah ditubuhkan di Pulau Pinang bertujuan untuk merancang dan melaksanakan pembangunan bandar. Ini sekaligus membawa kepada penubuhan kerajaan tempatan di Tanah Melayu. Majlis-majlis tempatan kemudian terbentuk di Melaka dan negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu (termasuk Pahang) sehinggalah ke Sarawak dan Borneo Utara (sumber dari [www.scribd.com/doc/58791822/kerajaantempatandiMalaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaantempatandiMalaysia))

Penubuhan kerajaan tempatan ini membawa kepada pengenalan pelbagai sistem perundangan oleh pihak British dan diantaranya ialah Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1950 (pemberian kuasa kepada majlis-majlis tempatan menganjurkan pilihanraya) serta Ordinan Kerajaan Tempatan 1952 (pemberian kuasa kepada penduduk setempat membentuk majlis-majlis tempatan di mana perlu).

Namun begitu, semenjak tahun 1965 sistem pilihanraya kerajaan tempatan yang telah diguna pakai telah digantung. Ini berlaku akibat permasalahan dalaman berkaitan pentadbiran dan politik yang dihadapi oleh kerajaan tempatan serta konfrantasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Kesannya ialah kerajaan tempatan di Malaysia tidak lagi mengadakan pilihanraya sebagaimana yang telah diamalkan sebelum ini. Permasalahan yang dialami oleh kerajaan tempatan pada tahun 1960an ini telah membawa kepada penubuhan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1971) yang bertujuan untuk menggariskan bentuk, struktur organisasi serta tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan secara menyeluruh. Menurut Akta 171, kerajaan tempatan diberikan peranan dan tugas-tugas berikut yang secara amnya tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan meliputi alam sekitar, orang awam, sosial dan juga pembangunan (sumber dari [www.angelfire.com/mdptkn/page1.html](http://www.angelfire.com/mdptkn/page1.html)):

- Kuasa perancangan tempatan
- Kuasa mengeluarkan lesen
- Kuasa mengenakan cukai-cukai tertentu
- Membina bangunan, perumahan dan unit-unit perdagangan
- Kuasa untuk menjalankan fungsi merancang dan menguruskan kawasan Bandar
- Mengurus dan mengawal lalulintas termasuk mengurus sistem pengangkutan awan bandaran
- Kuasa untuk merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam

Sebelum penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 wujud 6 jenis pihak berkuasa tempatan di Malaysia iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Majlis Perbandaran
- Majlis Bandaran
- Lembaga Bandaran
- Majlis Daerah Luar Bandar
- Majlis Tempatan

Hasil penguatkuasaan Akta 1971, wujud 4 jenis kerajaan tempatan yang disusun mengikut hieraki seperti berikut:

- Bandar raya – Dewan Bandaraya atau Majlis Bandaraya
- Bandar – Majlis Perbandaran
- Luar Bandar – Majlis Daerah
- Kawasan khas – Perbadanan atau Pihak Berkuasa Tempatan

## **Pihak berkuasa Tempatan di negeri Pahang**

Secara am, negeri Pahang mempunyai keluasan 35 965 km<sup>2</sup> persegi yang mana terdiri daripada 11 daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Bera, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis dan Cameron Highlands (Ahmat 2008). Setiap satu daerah ini diwakili oleh satu PBT yang mana menyelaraskan perancangan pembangunan di sesuatu daerah. Terdapat sebanyak 11 PBT di negeri Pahang yang terdiri daripada tiga Majlis Perbandaran dan lapan Majlis Daerah. Berikut merupakan senarai PBT bagi negeri Pahang:

1. Majlis Perbandaran Kuantan
2. Majlis Perbandaran Temerloh
3. Majlis Perbandaran Bentong
4. Majlis Daerah Jerantut
5. Majlis Daerah Maran
6. Majlis Daerah Raub
7. Majlis Daerah Cameron Highlands
8. Majlis Daerah Pekan
9. Majlis Daerah Rompin
10. Majlis Daerah Bera
11. Majlis Daerah Lipis

Oleh kerana peranan PBT amat penting kepada masyarakat, pengurusan kewangan oleh PBT merupakan aspek yang sangat mencabar. Penyata kewangan dan pengurusan kewangan jabatan/agensi negeri Pahang 2010 misalnya, mendedahkan bahawa jumlah tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2009 ialah 46.16 juta. Jika ini masih berterusan, segala perancangan PBT dalam menjalankan rancangan pembangunan di sesuatu daerah sedikit sebanyak akan terganggu. Oleh itu, PBT seharusnya mengambil inisiatif untuk menjadi lebih terbuka dalam mendedahkan maklumat kewangan kepada pihak berkepentingan terutamanya orang awam kerana ianya dipercayai mampu mempengaruhi sikap dan tingkahlaku pembayar cukai (Tayib et al. 1999).

## **Pengorganisasian Kajian**

Laporan kajian ini di kategorikan kepada lima bahagian iaitu pertama, bahagian pengenalan yang juga merangkumi sejarah PBT di Malaysia dan PBT negeri Pahang; kedua objektif kajian, ketiga kajian literatur,

keempat metodologi kajian, seterusnya hasil kajian dan dalam bahagian terakhir dibentangkan kesimpulan serta cadangan untuk kajian akan datang.

## Objektif Kajian

Secara am, objektif kajian ini ialah untuk mengetahui berkenaan laporan kewangan bagi PBT di negeri Pahang. Secara khususnya tujuan kajian adalah untuk:-

1. Mengenalpasti samada pihak berkuasa tempatan negeri Pahang mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang rasmi.
2. Mengetahui lokasi maklumat kewangan yang didedahkan di laman sesawang rasmi.

## Kajian literatur

### *Akauntabiliti awam*

Laporan kewangan PBT negeri Pahang tahun 2010 menunjukkan 11% hingga 54% (purata 31.4%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan PBT diperolehi melalui cukai taksiran am. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa konsep akauntabiliti wujud memandangkan sebahagian besar daripada sumber pendapatan PBT ini diterima daripada orang awam dan ini secara tidak langsung menjadikan orang awam sebagai salah satu pengguna maklumat kewangan kerajaan. Konsep akauntabiliti awam secara khusus bertitik tolak kepada kepercayaan bahawa rakyat mempunyai "hak untuk mengetahui" atau hak untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai daripada kerajaan setempat (Pablos et al. 2002). Umum mengetahui bahawa konsep akauntabiliti ini wujud apabila terdapat satu pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaporkan keputusan dan tindakan kepada satu pihak yang lain. Oleh itu, akauntabiliti akan wujud jika ejen menerima sumber dan tanggungjawab daripada prinsipal (Kluvers dan Tippett 2010, 2011; Pina et al. 2010).

Hubungan akauntabiliti ini telah menganggap orang awam sebagai salah satu pengguna maklumat kewangan kerajaan. Seajar dengan itu orang awam berhak untuk mengetahui sejauh mana sumber –sumber ini digunakan dan diurus oleh PBT (Perez et al. 2005). Sebagai pengguna, orang awam berminat untuk mendapatkan maklumat bagi membolehkan mereka menilai prestasi dan kedudukan kewangan PBT (Pablos et al. 2002). Manakala sebagai ejen pula, pihak PBT seharusnya lebih bersikap aktif untuk mendedahkan maklumat yang diperlukan oleh orang awam (Steccolini 2004) kerana ianya merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, disamping bertindak sebagai salah satu cara untuk melaksanakan akauntabiliti mereka terhadap peranan PBT kepada masyarakat setempat.

Secara dasarnya, pendedahan maklumat kewangan yang efektif oleh pihak PBT boleh dianggap sebagai asas kepada akauntabiliti. Ini kerana manfaat daripada maklumat kewangan bertitik tolak kepada aspek samada maklumat tersebut mudah diperolehi ataupun tidak (Pablos et al. 2002; Pina et al. 2010). Manakala pendedahan maklumat prestasi yang lengkap dan jelas oleh PBT pula menggambarkan bahawa akauntabiliti telah dilaksanakan (Tooley et al. 2010). Ini adalah kerana kebolehcapaian terhadap maklumat yang mudah difahami amat penting untuk mewujudkan akauntabiliti (Kluvers dan Tippett 2010; Pina et al. 2010). Ini disokong melalui kajian oleh Tayib et al. (1999) yang menyatakan bahawa pelaporan maklumat kewangan juga merupakan salah satu mekanisme untuk menterjemahkan pelaksanaan akauntabiliti. Dengan itu, PBT sememangnya berperanan untuk menyalurkan maklumat kewangan dan prestasi yang lengkap dan jelas untuk memenuhi kehendak orang awam. Hubungan yang wujud ini adalah berdasarkan kepada teori agensi di antara dua pihak; iaitu ejen dan prinsipal, di mana orang awam adalah prinsipal dan PBT adalah ejen (Kluvers dan Tippett 2010, 2011; Pina et al. 2010; Pablos et al. 2002).

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks negara Malaysia, Tooley et al. (2010), menyangkal wujudnya hubungan agensi antara orang awam dan PBT, disebabkan Yang Dipertua PBT dilantik oleh kerajaan negeri. Ini kerana, di kalangan negara maju ketua PBT ("councillors") dilantik secara demokrasi, iaitu dipilih terus oleh orang awam (Kluvers dan Tippett 2010; Pablos et al. 2002). Namun kajian ini menggunakan teori agensi dalam menerangkan hubungan antara PBT dan orang awam. Ini disebabkan oleh PBT mempunyai tanggungjawab atau akauntabiliti secara langsung terhadap orang awam iaitu pihak yang terlibat dalam penyaluran dana melalui pembayaran cukai dan bukannya merujuk kepada pelantikan ketua PBT itu sendiri.

## Pelaporan maklumat kewangan oleh pihak berkuasa tempatan secara umum

Pelaporan maklumat adalah penting kerana ianya dapat mengurangkan jurang maklumat yang wujud di antara pihak berkuasa dan masyarakat setempat. Jurang maklumat ini berlaku apabila wujud perbezaan dari segi kuantiti dan kualiti maklumat yang ada pada pengurusan berbanding dengan maklumat yang diperolehi oleh pihak luar. Ini secara langsung menyebabkan pihak yang berkepentingan merasa sangsi terhadap kebenaran dan sifat maklumat yang didedahkan (Godfrey et al. 2000). Namun begitu, jurang maklumat ini dapat dikurangkan jika pendedahan maklumat dibuat secara tepat dan jelas. Selain itu pelaporan maklumat yang baik memerlukan pendedahan maklumat yang lengkap supaya dapat memberi kesan terhadap proses pembuatan keputusan (Jaffar et al. 2002).

Pelaporan maklumat kewangan yang baik melibatkan pendedahan maklumat yang dapat menjelaskan tentang keadaan dan operasi sesuatu organisasi. Secara umum, kajian lalu (Awang et al. 2004; Watson et al. 2002) membuktikan bahawa pelaporan maklumat kewangan di dalam laporan kewangan adalah penting kepada pengguna komersial kerana ianya membantu dalam proses pembuatan keputusan yang berekonomi. Namun, pelaporan maklumat kewangan PBT di dalam laporan tahunan pula hanya menfokuskan kepada pengguna dalaman. Ini kerana pelaporan maklumat yang dibuat hanya mendedahkan akauntabiliti kepada pengguna dalaman semata-mata (Steccolini 2004). Sebaliknya, pelaporan maklumat kewangan oleh PBT juga penting kerana ianya dapat menjelaskan akauntabiliti oleh PBT kepada pihak berkepentingan termasuk orang awam (Kluvers dan Tippett 2010; Pablos et al. 2002). Ini bukan sahaja merujuk kepada maklumat kewangan yang mandatori malah ianya juga merujuk kepada maklumat kewangan sukarela. Ini kerana menurut Kluvers dan Tippett (2010) akauntabiliti bukanlah semata – mata mengenai pematuhan tetapi ianya lebih menjurus kepada hubungan dengan pihak berkepentingan. Secara jelas, ini menunjukkan bahawa pihak berkepentingan meletakkan nilai yang berbeza bagi setiap maklumat yang dilaporkan. Kajian oleh Tooley et. al. (2010) menunjukkan bahawa pihak berkepentingan meletakkan nilai yang tinggi terhadap pencapaian dan apa yang ingin dicapai oleh PBT sebagai maklumat yang sangat penting yang perlu dilaporkan di dalam laporan tahunan PBT. Secara khusus, pihak yang berkepentingan (luaran) lebih cenderung terhadap maklumat yang berbentuk prestasi operasi berbanding maklumat mengenai ekuiti dan aliran tunai. Ini bermakna setiap maklumat kewangan dan bukan kewangan itu mempunyai nilai yang tinggi mengikut keperluan pihak berkepentingan.

Pihak berkepentingan yang khususnya merujuk kepada pembayar cukai didapati lebih cenderung untuk mengetahui penyata pendapatan dan perbelanjaan PBT. Ini kerana pembayar cukai di kawasan yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi lebih terdorong untuk membayar cukai jika mereka diberi peluang untuk membaca penyata kewangan PBT di kawasan tersebut (Tayib et al. 1999). Secara tidak langsung ini menggambarkan bahawa tingkah laku pembayar cukai juga dipengaruhi oleh tahap kepuasan pembayar cukai terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PBT (Fjeldstad dan Semboja 2001). Selain itu kepercayaan pembayar cukai terhadap prosedur kutipan cukai oleh pihak berkuasa mempunyai kesan terhadap kepatuhan pembayar cukai untuk membayar cukai secara sukarela. (Dijke dan Verboon 2010). Oleh itu, pendedahan maklumat oleh PBT secara tidak langsung akan menggalakkan pembayaran cukai serta memberi lebih ruang kepada pembayar cukai untuk menilai sejauh mana dana yang diperolehi digunakan untuk tujuan orang awam.

## Pelaporan maklumat oleh PBT di internet

Penggunaan internet sebagai alat komunikasi (melalui “email” dan “simple browsing”) telah bermula pada tahun 1992 dan menjadi medium untuk interaksi sosial, pendidikan, perniagaan dan pelbagai fungsi dan aktiviti (Hasim dan Salman 2010). Secara jelas, di dalam era moden ini, internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kerana kepentingan penggunaannya dalam menyebarkan sebarang bentuk maklumat. Penyebaran maklumat ini merangkumi maklumat kewangan yang melibatkan pelaporan mandatori dan sukarela (Bozcuk et al. 2011). Bukti empirikal menunjukkan bahawa terdapat trend baru yang mendapati pihak berkepentingan bukan sahaja menggunakan internet sebagai medium untuk memperolehi maklumat (Aly et al. 2010) malah menjadikannya sebagai salah satu kaedah pengukuran pencapaian sesebuah organisasi (Pina et al. 2010). Sektor perniagaan misalnya telah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi ini supaya maklumat kewangan menjadi lebih jelas (Perez et al. 2008). Ekoran itu, pelaporan maklumat oleh PBT di internet juga boleh dilihat sebagai satu langkah yang bijak kerana ianya merupakan kaedah penyebaran maklumat yang terkini dan merupakan saluran yang berkesan dalam mengeratkan hubungan di antara PBT dan orang awam (Harris et al. 2011). Oleh kerana itu, PBT boleh dianggap sebagai satu entiti yang berorientasikan penduduk setempat dan bukannya entiti yang sarat dengan birokrasi (Alvarez et al. 2010). Secara tidak langsung, penggunaan laman sesawang akan membuka ruang kepada orang awam untuk lebih dekat kepada kerajaan seterusnya membantu pihak PBT dalam pengurusan pentadbiran mereka. Hubungan sebegini dianggap sebagai simbiosis di mana kedua-dua pihak memperolehi kebaikan (Harris et al. 2011). Seajar dengan itu, laman

sesawang PBT secara khususnya bukan sahaja harus lebih berinformasi malah ianya juga perlu memberi ruang kepada komunikasi dua hala antara penduduk setempat dan pengurusan PBT (Musso et. al 1999) serta dapat membantu orang awam dalam menjalankan aktiviti sebagai warganegara yang berkualiti. Oleh kerana itu Abd Latif dan Masrek (2010) menegaskan bahawa kejayaan laman sesawang kerajaan diukur dengan kebolehcapaian laman sesawang tersebut oleh semua golongan masyarakat termasuk golongan kurang upaya.

Penggunaan internet dalam pelaporan maklumat kewangan dilihat dapat membantu ke arah ketelusan dan peningkatan kepercayaan masyarakat terhadap kewibawaan penguatkuasaan PBT. Ini sejajar dengan kajian oleh Anuar, et al (2004) yang menyatakan sistem dan prosedur PBT yang kurang telus boleh mengundang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Secara ringkas, kajian lalu (Ghani dan Said 2010; Gandia dan Archidona 2008; Laswad F. et al. 2005) membuktikan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelaporan maklumat oleh PBT di internet. Namun begitu, faktor-faktor ini menemui hasil dapatan kajian yang tidak konsisten. Secara spesifik, faktor saiz misalnya dikatakan mempengaruhi kadar pelaporan maklumat di internet oleh PBT (Ghani dan Said 2010) sebaliknya Laswad F. et al. (2005) mendapati faktor ini tidak signifikan dalam menerangkan hubungannya dengan pelaporan maklumat PBT di internet. Manakala bagi faktor kekerapan kemunculan di media pula, Gandia dan Archidona (2008) dan Laswad F. et al. (2005) mendapati ianya mempunyai hubungan secara positif terhadap pelaporan maklumat kewangan PBT di internet. Ini mungkin berlaku disebabkan oleh PBT cuba untuk mempamerkan imej yang bersih disamping untuk menunaikan akauntabiliti terhadap orang awam dengan melaporkan lebih banyak maklumat di internet. Selain itu, faktor urbanisasi dan kurangnya capaian internet di sesuatu kawasan menjelaskan mengapa majlis daerah kurang melaporkan maklumat di internet berbanding dengan majlis perbandaran (Laswad F. et al. 2005). Manakala Gandia dan Archidona (2008) pula mendapati tahap pendidikan dan teknologi mempengaruhi kadar pelaporan maklumat oleh PBT. Sebaliknya, Ghani dan Said (2010) mendedahkan bahawa kekurangan kemudahan teknologi, staf yang berkemahiran dan ketiadaan sebarang bentuk penguatkuasaan merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kurangnya pelaporan maklumat kewangan secara digital.

## Metodologi kajian

Senarai pihak berkuasa tempatan negeri Pahang dan capaian ke laman sesawang masing-masing diperolehi dari laman sesawang rasmi kerajaan negeri Pahang. Terdapat 11 pihak berkuasa tempatan di negeri Pahang yang terdiri dari tiga Majlis Perbandaran dan lapan Majlis Daerah. Kesemua sebelas laman sesawang rasmi tersebut telah dianalisa dalam kajian ini.

## Pengumpulan data kajian

Data untuk kajian dikumpul berdasarkan maklumat kewangan yang dilaporkan di laman sesawang rasmi pihak berkuasa tempatan. Ghani dan Said (2010) merujuk maklumat kewangan yang dilaporkan di laman sesawang sebagai apa-apa maklumat yang berkaitan dengan laporan kewangan, sorotan kewangan dan rancangan tahunan kewangan. Manakala bagi tujuan kajian ini ianya merujuk kepada apa-apa maklumat kewangan yang berkaitan dengan penyata kewangan (dalam bentuk laporan), laporan tahunan pihak berkuasa tempatan yang mengandungi maklumat kewangan (dalam bentuk jadual atau rajah) dan juga sebarang maklumat kewangan dalam bentuk rancangan tahunan kewangan atau maklumat kewangan yang dilaporkan oleh jabatan atau unit dalam pihak berkuasa tempatan.

Senarai semak terhadap maklumat kewangan tersebut disusun mengikut jadual dibawah:-

Jadual 1: Senarai semak maklumat kewangan

Maklumat kewangan yang dilaporkan	
1.	Penyata kewangan tahunan (laporan disediakan dan lengkap)
2.	Maklumat kewangan bukan dalam bentuk penyata kewangan seperti dalam bentuk rajah, jadual atau carta (contoh jumlah kutipan cukai tafsiran bagi tahun 2001 – 2011). Data diperolehi daripada unit atau jabatan pihak berkuasa tempatan
3.	Maklumat kewangan dalam bentuk rancangan tahunan seperti di dalam pelan strategik pihak berkuasa tempatan
4.	Maklumat kewangan yang dilaporkan selain daripada lokasi maklumat 1 -3.

Untuk memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah tepat, proses penilaian setiap satu laman sesawang dilakukan oleh dua penyelidik. Hasil penilaian tersebut seterusnya dibandingkan untuk melihat kemungkinan wujudnya perbezaan. Seterusnya sebarang perbezaan dinilai semula melalui perbincangan berkumpulan.

## Hasil kajian


### Hasil deskriptif

Kajian mendapati kesemua PBT di negeri Pahang memiliki laman sesawang rasmi masing-masing. Jadual 2 menunjukkan 100% pihak berkuasa tempatan di negeri Pahang memiliki laman sesawang rasmi. Keperihatinan PBT dalam menyediakan laman sesawang rasmi merupakan satu langkah yang bijak kerana ianya selari dengan peningkatan penggunaan internet di kalangan rakyat Malaysia yang mana telah meningkat daripada 25% kepada 41% pada tahun 2010 (Berita Bernama 14 April 2011). Oleh itu, penyebaran maklumat melalui internet dipercayai dapat membantu PBT dalam menyalurkan maklumat yang berguna terutamanya maklumat kewangan kepada pihak yang berkepentingan. Ini kerana bukti empirikal menunjukkan bahawa terdapat kaedah baru iaitu pihak berkepentingan menggunakan internet sebagai medium untuk memperoleh maklumat (Aly et al. 2010).

Jadual 2: Bilangan PBT yang mempunyai laman sesawang

Jenis PBT	Mempunyai laman sesawang rasmi	Tidak mempunyai laman sesawang rasmi
Majlis perbandaran	3	0
Majlis daerah	8	0


Rajah 1: Peratusan pelaporan maklumat kewangan oleh PBT



Rajah 1 menunjukkan peratusan pelaporan maklumat kewangan oleh PBT di laman sesawang. Secara purata hanya 27.3% (mewakili 3 PBT sahaja) yang melaporkan maklumat kewangan. Ini selari dengan kajian oleh Ghani dan Said (2010) yang mendapati hanya 40% daripada majlis perbandaran dan 2.1% majlis daerah yang mendedahkan maklumat kewangan secara digital. Pelaporan maklumat kewangan yang rendah di kalangan PBT negeri Pahang mungkin dapat dijustifikasikan dengan anggapan oleh pihak PBT bahawa maklumat kewangan tidak boleh didedahkan kepada pihak lain kecuali agensi dan badan-badan kerajaan sahaja (Tayib, 2004). Selain itu keadaan ini juga dikatakan berpunca daripada kurangnya tenaga kerja yang mahir untuk menyelenggarakan laman sesawang dan ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengkehendaki semua PBT untuk mendedahkan penyata kewangan di laman sesawang (Ghani & Said, 2010; Saidin et al. 2004). Pendedahan maklumat terutamanya maklumat kewangan adalah wajar kerana orang awam mempunyai hak untuk menilai sejauh mana pihak PBT menjalankan tugas mereka agar tidak menyimpang daripada peranannya (Anuar et al. 2004). Selain itu, berdasarkan konsep akauntabiliti awam, orang awam mempunyai "hak untuk mengetahui" atau mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai daripada kerajaan setempat (Pablos et al. 2002). Bukti empirikal (Tayib et al. (1999) mendedahkan bahawa orang awam secara khususnya pembayar cukai lebih terbuka untuk menjelaskan cukai taksiran jika mereka diberi peluang untuk membaca penyata kewangan PBT di kawasan mereka. Ini disokong oleh Saidin et al. (2004) yang mendapati bahawa 93.8% pembayar cukai yang tidak berpeluang untuk mendapatkan penyata kewangan PBT mahu supaya pihak PBT mendedahkan laporan

tahunan dan akaun mereka kepada orang ramai. Ini bermakna jika pihak PBT mengambil langkah pro-aktif dalam aspek ini, maka dipercayai hasil kutipan yang bakal diperolehi juga akan meningkat.

Rajah 2: Peratusan pelaporan maklumat kewangan mengikut jenis PBT



Rajah 2 pula menunjukkan peratusan pelaporan maklumat kewangan mengikut jenis PBT. Secara purata, majlis daerah dilihat sebagai kurang melaporkan maklumat kewangan (25%) berbanding dengan majlis perbandaran (33%). Salah satu faktor yang dipercayai menyumbang kepada dapatan sebegini ialah keluasan geografi majlis perbandaran yang lebih besar berbanding kawasan geografi majlis daerah (Ghani. & Said 2010). Sebagai contoh, kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan meliputi kawasan seluas 2,065 kilometer persegi terdiri dari tiga (3) kawasan Parlimen iaitu Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar yang mana terbahagi kepada lapan (8) DUN dengan jumlah penduduk seramai 490,000 orang (sumber dari <http://www.mpk.gov.my>). Sebaliknya jumlah penduduk bagi daerah Maran hanya seramai 120,675 orang (Rancangan Tempatan Daerah Maran 2020, 2010) dan di Jerantut hanya seramai 96,600 orang sahaja (Rancangan Tempatan Daerah Jerantut 2020, 2010).

Selain faktor keluasan geografi, dapatan sebegini juga dikatakan berlaku atas faktor persekitaran iaitu urbanisasi dan kurangnya capaian internet di kawasan tersebut (Laswad. et al. 2005; Ghani. dan Said 2010). Malah, faktor tahap pendidikan masyarakat di sesuatu tempat juga dikatakan mempengaruhi tahap pelaporan maklumat oleh PBT (Gandia dan Archidona 2008). Namun begitu, hasil dapatan kajian ini dianggap boleh diterima atas justifikasi bahawa negara Malaysia (Pahang merupakan salah satu negeri dalam Malaysia) merupakan salah satu negara yang membangun yang mana menuju ke arah negara maju pada tahun 2020 (Ghani dan Said 2010). Oleh itu kesedaran PBT untuk menghasilkan laman sesawang rasmi harus dilihat sebagai satu langkah yang positif untuk menjadi lebih telus dalam usaha menyampaikan maklumat kepada masyarakat.


Jadual 3 menunjukkan lokasi pelaporan maklumat kewangan oleh PBT negeri Pahang. Hasil kajian mendapati satu PBT yang terdiri daripada Majlis Perbandaran melaporkan maklumat kewangan di dalam penyata kewangan tahunan. Manakala, terdapat satu PBT iaitu majlis daerah yang menyalurkan maklumat kewangan bukan dalam bentuk penyata kewangan. Ini mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti tahap pendidikan masyarakat setempat (level of education), capaian internet dan juga faktor urbanisasi. Ini disokong oleh Laswad F. et al. (2005) dan Gandia dan Archidona, (2008) yang mendapati ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi pelaporan maklumat kewangan di internet oleh PBT. Hasil kajian juga mendapati terdapat dua majlis daerah yang menyalurkan maklumat kewangan bukan di dalam penyata kewangan, data dari jabatan PBT atau pelan strategik. Walaubagaimanapun terdapat dua majlis perbandaran dan enam majlis daerah yang tidak melaporkan maklumat kewangan di dalam laman sesawang rasmi masing-masing.



Jadual 3: Lokasi pelaporan maklumat kewangan

	Lokasi pendedahan	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
1.	Penyata kewangan tahunan	1	0
2.	Maklumat kewangan bukan dalam bentuk penyata kewangan seperti dalam bentuk rajah, jadual atau carta (contoh jumlah kutipan cukai taksiran bagi tahun 2001 – 2011). Data diperolehi daripada unit atau jabatan pihak berkuasa tempatan	0	1
3.	Maklumat kewangan dalam bentuk rancangan tahunan seperti di dalam pelan strategik pihak berkuasa tempatan	0	0
4.	Maklumat kewangan yang dilaporkan selain daripada lokasi maklumat 1 - 3.	0	2
5.	Tiada maklumat kewangan yang dilaporkan menerusi laman sesawang rasmi	2	6

Rajah 3: Peratusan laporan maklumat kewangan mengikut lokasi



Rajah 3 menunjukkan empat lokasi dalam laman sesawang rasmi PBT yang melaporkan maklumat kewangan. Kajian lalu oleh Awang et al. (2004) dan Jaffar et. al. (2002) berkaitan dengan laporan tahunan, mendapati bahawa lokasi pelaporan maklumat sukarela memberi nilai tertentu terhadap pelaporan maklumat yang dibuat. Secara dasarnya, terdapat tiga pelaporan kewangan yang dibuat selain daripada penyata kewangan. Ini mungkin menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan lebih terbuka untuk mendedahkan maklumat kewangan tetapi bukan dalam bentuk penyata kewangan. Kebanyakan maklumat yang dilaporkan oleh PBT lebih tertumpu kepada jumlah kutipan hasil (cukai taksiran), tunggakan cukai dan sewaan. Namun begitu, kajian ini mendapati tiada satu pun PBT yang melaporkan maklumat kewangan melalui pelan tindakan strategik. Pelan tindakan strategik boleh dikatakan sebagai perancangan PBT di masa hadapan terhadap kawasan tersebut. Oleh itu kami berpendapat pelaporan maklumat secara kuantitatif di dalam pelan tindakan strategik adalah perlu kerana pengguna (orang awam) boleh menilai sejauh mana PBT menggunakan dana yang diperuntukkan, sebagai alat pengukur prestasi PBT dan sekaligus memberi ruang kepada orang awam untuk menilai akauntabiliti PBT terhadap dana yang diperolehi. Selain itu, PBT sendiri turut beroleh manfaat hasil daripada pelaporan maklumat kuantitatif ini kerana ianya menggambarkan perancangan sistematik yang boleh dicapai. Manakala hanya terdapat satu PBT sahaja yang mendedahkan laporan tahunan PBT yang mana mengandungi maklumat kewangan.

## Kesimpulan dan cadangan

Penemuan kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan internet sebagai salah satu medium komunikasi di antara pihak berkepentingan dan pihak PBT telah diperakui dengan kesemua PBT di negeri Pahang telah mempunyai laman sesawang rasmi. Namun begitu, peranan internet ini seharusnya tidak tertumpu kepada penyaluran maklumat aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan (Musso, et al. 1999) malah, ianya perlu memberi ruang kepada komunikasi dua hala antara penduduk setempat dan pengurusan PBT.

Oleh itu, pelaporan maklumat di internet juga haruslah dilihat sebagai salah satu cara atau kaedah untuk melaksanakan akauntabiliti terhadap orang awam khususnya pembayar cukai. Keberkesanan penggunaan teknologi maklumat (komputer) telah dikenalpasti di United Kingdom (UK) sebagai faktor penggalak dalam peningkatan pungutan hasil cukai taksiran yang baik di UK (Tayib & Samsudin 2002).

Pelaporan maklumat kewangan di internet oleh PBT mencerminkan ketelusan pihak PBT terhadap orang awam secara umumnya. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaporan maklumat kewangan PBT masih di tahap yang rendah. Pelaporan maklumat kewangan yang rendah di kalangan PBT mungkin dapat dijustifikasikan dengan kurangnya tenaga kerja yang mahir untuk menyelenggarakan laman sesawang dan ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewajibkan semua PBT untuk mendedahkan penyata kewangan di laman sesawang (Ghani & Said, 2010; Saidin et al. 2004). Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak Kementerian yang berkenaan atau khususnya pihak kerajaan negeri Pahang untuk dijadikan landasan dalam merangka kaedah yang sesuai ke arah mewajibkan PBT melaporkan maklumat kewangan mereka di internet.

Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar pihak PBT seharusnya mengambil tindakan pro-aktif untuk mendedahkan maklumat – maklumat yang signifikan kepada pihak berkepentingan terutamanya penyata kewangan yang disediakan dalam format yang mudah difahami (Saidin et al. 2004), penyata pendapatan dan perbelanjaan PBT (Tayib et al. 1999), maklumat yang berorientasikan masa hadapan dan juga maklumat mengenai pencapaian pihak PBT (Tooley et al. 2010). Ini kerana maklumat-maklumat yang signifikan ini bukan sahaja dapat mengurangkan jurang maklumat di antara pihak PBT dan pihak berkepentingan, malah ianya dapat membantu pihak PBT dapat mewar-warkan kepada orang awam bahawa mereka telah melaksanakan akauntabiliti terhadap dana yang diperolehi daripada masyarakat setempat. Di samping itu, pelaporan maklumat kewangan ini juga dikatakan boleh mempengaruhi tingkahlaku pihak berkepentingan (pembayar cukai) terhadap tanggungjawab mereka dalam melunaskan cukai taksiran (Tayib et al. 1999).

## RUJUKAN

- Abdul Latif, M.H. & Masrek, M.N. 2010. Accessibility Evaluation on Malaysian E-Government Website. *Journal of e-Government Studies and Best Practices*. Volume 2010.
- Ahmad, M. Kenali Negeri Kita Pahang. 2008. Karisma Publications Sdn Bhd: 2.
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
- Alvarez, I.G., Dominguez, L.R. & Sanchez, I.M.G. 2010. Are determining factors of municipal E-government common to a worldwide municipal view? An intra-country comparison. *Government Information Quarterly* 27: 423 - 430.
- Aly, D., Simon, J. & Hussainey, K. 2010. Determinants of corporate internet reporting: evidence from Egypt. *Managerial Auditing Journal* 25(2):182 – 202.
- Anuar, A.R., Haji Ismail, M.S. & Mohd Saad, N. 2004. Pembiayaan PBT dan cabarannya: Dari Majlis Perbandaran ke Bandaraya Alor Star: Isu dan Cabaran Dalam Pengurusan Kewangan. *Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan*.
- Awang, M., Mohd Zain, M. & Ibrahim, M.K. 2004. Disclosure of Financial Ratio in Annual Report: Evidence From Malaysian Market. Dlm. Wan Adibah Wan Ismail, Muhd Kamil Ibrahim & Khairul Anuar Kamarudin (pnyt). *Financial reporting in Malaysia: some empirical evidence*, hlm. 92 – 109. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Bozcuk, A.E., Aslan, S. & Arzova, S. B. 2011. Internet financial reporting in Turkey. *EuroMed Journal of Business* 6 (3): 313 – 323.
- Dijke, M.V. & Verboon, P. 2010. Trust in authorities as a boundary condition to procedural fairness effects on tax compliance. *Journal of Economic Psychology* 31: 80–91.
- Fjeldstad, O.H & Semboja, J. 2001. Why People Pay Taxes: The Case of the development Levy in Tanzania. *World Development* 29(12): 2059-2074.

- Fungsi-fungsi Utama. <http://www.angelfire.com/mdptkn/page1.html>
- Gandia, J. L. & Archidona, M.C. 2008. Determinants of web site information by Spanish city councils. *Online Information Review* Volume 32 (1): 35 – 57.
- Ghani, E & Said, J. 2010. “Digital Reporting practices among Malaysian Local Authorities”. *Electronic Journal of e-Government* Volume 8 (1) 2010: 33 – 44.
- Harris, J.A., McKenzie, K.S. & Rentfro, R.W. 2011. “Performance reporting: Assessing citizen access to performance measures on state government websites”. *Journal of Public Budgeting, Accounting & Financial Management*, 23(1), 117-138.
- Hasim, M.S. & Salman, A. 2010. Factors affecting sustainability of internet usage among youth. *The Electronic Library* 28 (2): 300-313
- [http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan tempatan di Malaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan-tempatan-di-Malaysia)
- Godfrey, J., Hodgson, A. & Holmes, S. 2000. *Accounting theory*. Ed. ke-4. Brisbane: John Wiley & Sons: 76.
- Jaffar, R., Mohd Iskandar, T. & Muhamad, J@N. 2002. An investigation of environmental disclosures: evidence from selected industries in Malaysia. *International Journal of Business and Society* 3 (2): 55 – 68.
- Kerajaan tempatan Di Malaysia. [http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan tempatan di Malaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan-tempatan-di-Malaysia)
- Kluver, R. & Tippett, J. 2010. Mechanisms of Accountability in Local Government: An Exploratory Study. *International Journal of Business and Management* 5(7): 46 – 53.
- Kluver, R. & Tippett, J. 2011. The Views of Councillors and Managers on Accountability in Local Government. *International Journal of Management* 28(2): 519 – 527.
- Laswad, F., Fisher, R. & Oyelere, P. 2005. Determinants of voluntary Internet financial reporting by local government authorities. *Journal of accounting Public Policy* 24:101 – 121.
- Musso, J.A., Weare, C. & Hale M.C. 1999. Designing Web Technologies for Local Governance Reform: Good Management or Good Democracy?. <http://www.usc.edu/dept/LAS/SC2/pdt/newweare.pdf>.
- Pablos, J.L., Carcaba, A. & Lopez, A. 2002. The Annual Report as a Tool for Financial Disclosure in Local Governments. *International Journal of Management* 19(4): 651 – 663.
- Penggunaan Internet Di Malaysia Naik Kepada 41 Peratus. *Berita Bernama* 14 April 2011. <http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/penggunaan-internet-naik-41-peratus>.
- Perez, C.C., Hernandez, M.L. & Bolivar, M.P.R. 2005. Citizens’ access to on-line governmental financial information: Practices in the European Union countries. *Government Information Quarterly* 22: 258 – 276.
- Perez, C.C., Bolivar, M.P.R. & Hernandez, M.L. 2008. e-Government process and incentives for online public financial information. *Online Information Review* 32 (3): 379- 400.
- Pina, V., Torres, L. & Royo, S. 2010. “Is E-Government promoting convergence towards more accountable local government?”. *International Public Management Journal*, 13(4), 350 – 380.
- Rancangan Tempatan Daerah Jerantut 2020. Disember 2010. Majlis Daerah Jerantut.
- Rancangan Tempatan Daerah Maran 2020. Disember 2010. Majlis Daerah Maran.

- Saidin, S.Z., Tayib, M., Engku Ali, E.I. & Samsudin, R.S. 2004. Pelaporan Maklumat Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan: Perbandingan Amalan Pelaporan dan Persepsi Pengguna Penyata Kewangan. Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Steccolini, I. 2004. Is the annual report an accountability medium? An empirical investigation into Italian local government. *Financial Accountability & Management* 20(3) :327 - 350.
- Tayib, M. 2004. Pembiayaan Pihak berkuasa Tempatan Di Semenanjung Malaysia. Penerbit Universiti Utara Malaysia Sintok.
- Tayib, M., Coombs, M. & Ameen, J.R.M. 1999. Financial reporting by Malaysian local authorities: A study of the needs and requirements of the users of local authority financial accounts. *The International Journal of Public Sector Management* 12 (2): 103 – 120.
- Tayib, M & Samsudin, R.S. 2002. Pengurusan Sumber Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pusat Penerbitan dan Teknologi Media-Universiti Utara Malaysia.
- Tooley, S., Hooks, S. & Basnan, N. 2010. Performance reporting by Malaysian local authorities: Identifying stakeholder needs. *Financial Accountability & Management* 26 (2): 103 – 133.
- Watson, A., Shrivies, P. & Marston, C. 2002. Voluntary disclosure of accounting ratios in the UK. *British Accounting Review* 34: 289 – 313.

---

LILY MAZLIFA MUSTAFA, NOR HAWANI WAN ABDUL RAHMAN, SABARIAH JAMALUDDIN, SYAHIDA MD ZENI, YUZAINIZAM YUSOP. Universiti Teknologi MARA Pahang.